



*Hujung Minggu*

قليتا بروني

PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسش ايمان

"(IAITU) orang-orang yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak juga oleh jual beli daripada mengingat Allah dan daripada mendirikan sembahyang serta membayar zakat, mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya hati dan pandangan berbolak-balik (disebabkan huru-hara hari kiamat itu)".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nur, ayat 37.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.45 | SUBUH 4.55 | SYURUK 6.17 | DUHA 6.40 | ZUHUR 12.28 | ASAR 3.49 | MAGHRIB 6.37 | ISYAK 7.50

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 91

30 JULAI 2022 / 1444 محرم 1

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

## DOA KESYUKURAN SEMARAKKAN SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (depan, tiga dari kiri) menyertai para jemaah bersembahyang sempena Majlis Doa Kesyukuran (Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran), di Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri.

**Oleh :** Haniza Abdul Latif

**Foto :** Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**MENTIRI,** Khamis, 28 Julai. - Sambutan Hari Belia Kebangsaan disasarkan bagi memartabatkan pergerakan belia dengan memperingati dan mengumpulkan

belia-belia di negara ini dalam satu perhimpunan dengan kegiatan yang bermakna.

Pada tahun ini, Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17

dengan tema, 'Belia Siaga Masa Depan', akan diadakan pada 9 Ogos 2022, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Bersempena dengan sambutan tersebut, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran (Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran), di Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Atur cara majlis dimulakan dengan Solat Fardu Maghrib Berjemaah, diimamkan oleh Awang Abdulsalam bin Haji Salim, diikuti dengan Solat Hajat Berjemaah, diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Md. Sallehin bin Pengiran

Tejudin; serta disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil, dipimpin oleh Belia Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Mohammad Faris Zayani bin Muhammad Firdausil Amin.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dikhususkan kepada Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah serta kaum Muslimin dan Muslimat yang telah kembali ke rahmatullah.

Majlis diteruskan dengan Doa Kesyukuran dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei

Darussalam serta Doa Menghindari Wabak COVID-19, dibacakan oleh Pengiran Md. Sallehin dan diakhiri dengan Solat Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Awang Abdulsalam.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022.

Majlis turut dihadiri oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Hassanal Bolkiah; Persatuan dan Pergerakan Belia; Belia-belia Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid; Institusi Pengajian Tinggi; Pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB); dan Ahli-ahli Kelab dan Alumni bagi sama-sama memanjat doa dan tanda kesyukuran betapa beruntungnya belia di negara ini terus aman dan bebas bergerak dengan sokongan kerajaan secara berterusan.



# Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17 : 9 Ogos

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**SIDANG Media Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022, diadakan bertempat di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan untuk berangkat bercemar duli ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022.

Sehubungan itu, Sidang Media Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022, diadakan bertempat di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di sini.

Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin

Haji Serudin selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022 mengongsikan maklumat-maklumat mengenai acara-acara utama, sampingan dan persiapan-persiapan yang dilaksanakan bagi sambutan tersebut.

Menurutnya, acara kemuncak sambutan, iaitu Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022, akan diadakan pada Khamis, 9 Ogos 2022, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, bermula jam 9.00 pagi.

"Tema Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini dikekalkan seperti tahun 2019, 2020 dan 2021, iaitu 'Belia Siaga Masa Depan', di mana tema ini masih dilihat relevan dengan situasi sekarang.

"Strategi untuk mempersiapkan belia siaga masa depan merupakan tanggungjawab bersepadu di antara pihak kerajaan, swasta dan pertubuhan awam (NGO) sebagai agenda utama dalam pembangunan negara.

"Mempertajam, meneroka serta menyerlahkan kemahiran dan potensi modal insan belia siaga masa depan menjadi strategi negara yang harus dilaksanakan bersungguh-sungguh bagi melahirkan belia yang cemerlang," jelasnya.

Awang Haji Zakaria seterusnya menyentuh mengenai tema pada tahun ini, yang bertepatan dengan Deklarasi ASEAN 2022 sebagai Year of ASEAN Youth dan selaras dengan matlamat Dasar Belia Negara serta Strategi 2020-2035 ke arah mendukung Wawasan Brunei 2035.

Peranan belia, katanya, adalah penting bagi menyumbang pada pembangunan sumber tenaga manusia dan komuniti, di samping memastikan penglibatan aktif golongan ini ke arah keamanan serta mengukuhkan persefahaman bagi mendukung aspirasi One ASEAN Identity.

Tambahnya, para belia juga perlu meningkatkan penguasaan Kemahiran Abad Ke-21 serta kemahiran digital.

Sementara itu, Penyelaras Konvensyen Hari Belia, Awang Muhd. Amirul Syazmie bin Ibrahim, pada Sidang Media tersebut

menjelaskan, berkenaan beberapa program yang disusun untuk dimuatkan dalam Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan itu nanti.

"Antaranya ialah Pengurniaan Anugerah-anugerah Hari Belia Kebangsaan dalam empat kategori, iaitu Belia Cemerlang; Belia Berkhidmat; Pemimpin Muda Belia; dan Projek Cemerlang Untuk Belia; serta Pameran Hari Belia dan Konvensyen Hari Belia.

"Beberapa acara-acara sampingan juga telah pun disusun sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan itu nanti.

"Antaranya ialah Majlis Doa Kesyukuran (Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran), yang diadakan pada hari ini, jam 6.00 petang, di Masjid Hassanal Bolkiah Kampung Mentiri; Khutbah Jumaat Khusus sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, pada Jumaat, 5 Ogos 2022; Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahliil di Kubah Makam Diraja sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022, yang akan diadakan pada Isnin, 1 Ogos 2022, jam 8.30 pagi; dan Festival Hari Belia akan diadakan sehingga Disember 2022, di

keempat-empat daerah," terangnya.

Awang Muhd. Amirul Syazmie akhir sekali menekankan mengenai beberapa SOP yang perlu dipatuhi bagi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022, iaitu membuat Ujian ART di rumah sebelum menghadiri majlis / acara, seterusnya memuat naik keputusan ujian ke BruHealth.

Tidak hadir majlis / acara jika ada simptom-simptom demam, seperti batuk, selesema, sakit leher dan seumpamanya; sentiasa memakai sungkup di sepanjang majlis / acara dijalankan; sentiasa menjaga kebersihan diri, seperti mensanitasi tangan; mengamalkan etika batuk dan bersin; elakkan bersalam-salaman; dan bagi Majlis Doa Kesyukuran di masjid, hendaklah membawa sejadah sendiri.

Sidang Media turut dihadiri oleh beberapa Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022, iaitu Setiausaha Tetap (Kesukanan), Pengiran Mohd. Amirul bin Pengiran Haji Mahmud; dan Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad Rosfazilah bin Haji Yusly.



**PENYERAHAN Poster kepada wakil setiap Persatuan-Persatuan Belia, disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

Masjid Hassanal Bolkiah Kampung Mentiri, bagi sama-sama memohon keberkatan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala agar rakyat dan penduduk serta negara *kitani* sentiasa terpelihara dan dilindungi daripada segala perkara yang boleh menjejaskan keselamatan serta kesejahteraan negara kita

yang disayangi, termasuk kita semua.

Turut dialu-alukan untuk sama-sama menghadirkan diri ke Konvensyen Hari Belia, selain berpeluang meraih maklumat-maklumat menarik yang akan dikongsikan dalam konvensyen dan Pameran Hari Belia nanti.

## Bersama meriahkan Sambutan Hari Belia Kebangsaan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Julai. - Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022 akan diadakan pada Khamis, 9 Ogos 2022, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, bermula jam 9.00 pagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga mengurniakan titah perkenan untuk berangkat bercemar duli ke majlis itu nanti.

Sehubungan itu, Majlis

Penyampaian Poster Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022, diadakan di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di sini.

Penyerahan Poster kepada wakil setiap Persatuan-Persatuan Belia, disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohd. Amirul bin Pengiran Haji Mahmud.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi

Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022; Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022; Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad Rosfazilah bin Haji Yusly; dan Penyelaras Konvensyen Hari Belia, Awang Muhd. Amirul Syazmie bin Ibrahim.

Pihak Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022 menyeru agar rakyat dan penduduk, terutama golongan belia sama-sama memeriahkan sambutan ini, dengan turut hadir ke Majlis-majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Berjemaah, diadakan hari ini, di